



TEKS UCAPAN

YBRS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM

KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NUKLEAR MALAYSIA

BAGI BULAN OGOS 2021

TARIKH:

27 OGOS 2021 (JUMAAT)

SECARA ATAS TALIAN

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis.

YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi,

YBRS. DR ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YBRS. EN MOHD SIDEK BIN OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi,

YBRS. EN ROSLEEZAM BIN JAMAUDIN

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan yang juga menanggung jawatan Pengarah Kanan Program Pengurusan

YBRS. DR MOHD RODZI BIN ALI

Pengarah Bahagian Teknologi Perubatan

Dan juga selaku hos majlis perhimpunan kita pada bulan ini.

Pengarah-pengarah Bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

[PENDAHULUAN]

1. Alhamdulillahlah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu sekali lagi pada pagi yang penuh keberkatan ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia. Semoga semua warga Nuklear Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa di bawah rahmat Allah SWT.

2. Perhimpunan bulanan kali ini dianjurkan oleh Bahagian Teknologi Perubatan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-64. Oleh itu amat bertepatan

sekali bagi tema perhimpunan pagi ini ialah 'Malaysia Prihatin: Perjuangan yang belum selesai'.

Tuan tuan dan Puan puan yang dihormati,

[SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2021]

3. Tahun ini kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-64 dan seterusnya diikuti dengan sambutan Hari Malaysia ke-58. Pelbagai program telah diatur sepanjang Bulan Kebangsaan tahun ini. Tiga acara utama akan diadakan iaitu Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang, di Kuala Terengganu; Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2021 di Dataran Pahlawan, Putrajaya dan Sambutan Hari Malaysia 2021 di Sabah.

4. Di samping itu, pelbagai program dan pertandingan kenegaraan turut diadakan bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara. Antaranya adalah Pertandingan Bintang Patriotik Smule, Pertandingan Fotografi Klik@Merdeka, Pertandingan Pidato Kenegaraan, Pertandingan Sayembara Sajak Merdeka dan Pertandingan Video Tik Tok Ilham Merdeka.

5. Bagi mengimarahkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, beberapa aktiviti di peringkat kementerian dan agensi telah dijalankan seperti program mengibarkan Jalur Gemilang di premis pejabat Kerajaan yang bermula pada 1 Ogos 2021 yang lalu. Saya mengalu-alukan kakitangan Nuklear Malaysia supaya turut mengibarkan Jalur Gemilang di pejabat, di kenderaan mahupun di kediaman masing-masing.

6. Nuklear Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Maklumat juga telah menganjurkan Pertandingan e-Poster Kemerdekaan 2021 dengan tema 'MALAYSIA PRIHATIN'. Syabas dan tahniah kepada warga yang telah menyertai pertandingan ini. Selain daripada itu, sepanjang minggu Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 ini, Nuklear Malaysia akan mengimbas peristiwa-peristiwa penting menerusi Trivia Merdeka Nuklear yang diterbitkan dalam bentuk infografik untuk tatapan umum melalui platform media sosial.

7. Tema Hari Kebangsaan tahun ini kekal seperti tahun lepas iaitu 'MALAYSIA PRIHATIN' bagi menzahirkan semangat bersatu padu seluruh rakyat Malaysia dalam

menghadapi cabaran pandemik COVID-19. Tema ini amat bersesuaian dengan aspirasi kerajaan, bahawa seluruh rakyat MALAYSIA, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan NGO mahupun orang perseorangan turut bersama-sama memerangi musuh COVID-19. Manakala PRIHATIN menunjukkan inisiatif kerajaan yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan rakyat Malaysia.

Para hadirin yang saya kasihi, PERJUANGAN KITA MASIH BELUM SELESAI.

[153-SAMARIUM-EDTMP]

8. Dalam usaha untuk memerangi pandemik COVID-19 ini, kita jangan lupa bilangan pesakit kanser dan kardiovaskular yang juga semakin meningkat. Sebanyak 115,238 pesakit kanser telah direkodkan antara tahun 2012-2016; dan hampir 45% daripada keseluruhan pesakit kanser meninggal dunia. Seperti mana yang kita sedia maklum, sesetengah penyakit kanser boleh didiagnosis dan dirawat menggunakan radioisotop. Justeru itu, penyelidikan dan pembangunan radioisotop perubatan dan radiofarmaseutikal perlu dipertingkatkan supaya negara lebih bersedia untuk menangani peningkatan kes kanser di masa hadapan.

9. Penggunaan radioisotop juga turut digunakan sebagai rawatan paliatif kepada pesakit kanser. Dengan kepakaran dan kemudahan reaktor TRIGA, kita telah berjaya menghasilkan radioisotop Samarium-153 EDTMP untuk tujuan penjagaan paliatif bagi pesakit kanser tulang. Saya yakin, penggunaan radiofarmaseutikal ini dapat membantu meningkatkan kualiti hidup di kalangan pesakit kanser.

10. Sukacita saya ingin memaklumkan Nuklear Malaysia telah membekalkan radioisotop Samarium-153 EDTMP buat pertama kali untuk digunakan oleh pesakit Institut Kanser Negara pada 8 Julai yang lalu. Penerima merupakan seorang wanita yang berusia 83 tahun yang menghadapi kanser paru-paru yang telah merebak ke bahagian tulang. Alhamdulillah, saya difahamkan keadaan pesakit ini menunjukkan kesan positif dan mengalami pengurangan rasa sakit selepas menerima analgesik dan samarium-153 EDTMP dari Nuklear Malaysia.

11. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Bahagian Teknologi Perubatan atas kejayaan dan sumbangan yang bermakna ini. Harapan saya agar usaha ini dapat diteruskan supaya ramai lagi pesakit kanser dapat menerima manfaat daripada produk yang dihasilkan oleh Nuklear Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

[CYCLOTRON]

12. Untuk makluman semua, Agensi Nuklear Malaysia sedang berusaha untuk membangunkan sebuah kemudahan siklotron bertenaga 30 MeV bagi menghasilkan radioisotop kegunaan diagnostik dan terapeutik melalui Kerjasama Awam dan Swasta.

13. Pembangunan kemudahan ini mampu untuk menghasilkan pelbagai jenis bahan radioisotop dan radiofarmaseutikal untuk menyokong dan memperluaskan penghasilan radioisotop tempatan. Dijangkakan sekurang-kurangnya 6 jenis radioisotop dapat dihasilkan bagi kegunaan pusat perubatan nuklear di Malaysia. Pembekalan radioisotop secara tempatan dapat memastikan bekalan radioisotop yang berterusan serta tidak terganggu semasa berlakunya wabak atau bencana.

14. Saya menaruh harapan yang tinggi bahawa cubaan kita untuk kali ini akan berjaya membuahkan hasil. *It is about time for Malaysia to have an alternative method for radioisotope production that can offer new treatments and diversify the types of treatments provided to cancer patients.* Di samping itu juga ketersediaan radioisotop membolehkan prosedur rawatan dilaksanakan dengan cepat dan berkesan seterusnya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan.

Warga Nuklear Malaysia yang saya hormati,

[BENGKEL PEMANTAUAN KEMAJUAN PROJEK R&D AKTIF 2021 NUKLEAR MALAYSIA]

15. Pada awal bulan Ogos yang lalu, Bengkel Pemantauan Kemajuan Projek R&D Aktif 2021 Nuklear Malaysia telah berlangsung. Tujuan bengkel ini diadakan ialah untuk memantau projek R&D yang dijalankan bertepatan dengan objektif, milestone, TRL dan

output yang telah ditetapkan. Selain itu, projek-projek R&D yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan Bahagian dan Wawasan Nuklear Malaysia 2030. Pada masa yang sama, bengkel ini juga akan memastikan projek yang dijalankan mempunyai impak kepada industri dan negara serta memenuhi DSTIN dan rangka kerja 10 -10My-STIE. Beberapa projek yang berpotensi telah pun dikenal pasti untuk tujuan permohonan dana TeD1, TeD2, BGF atau SRF MOSTI.

16. Sebanyak 236 projek R&D yang terdiri daripada projek dalaman, projek dana MOSTI, projek dana KPT, projek IAEA dan projek sumber lain telah dinilai. Beberapa perkara dapat dirumuskan hasil daripada bengkel ini:

1. Pertama, peranan ahli projek yang tidak jelas dan keperluan bagi mereka untuk lebih aktif dalam projek yang dijalankan;
2. Kedua, keperluan membangunkan garis panduan untuk permohonan, pemantauan, penyambungan dan penamatan projek;
3. Ketiga, keperluan untuk mengadakan '*R&D Review Nuklear Malaysia*' dan
4. Akhir sekali, keperluan bagi Pengarah Bahagian untuk melihat semula hala tuju R&D Bahagian agar lebih fokus.

17. Secara keseluruhannya program ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif bengkel. Harapan saya bahawa aktiviti ini dapat diteruskan bagi memastikan projek-projek yang dijalankan di Nuklear Malaysia berada pada 'landasan' yang betul dan berakauntabiliti.

Para hadirin yang dikasihi,

[MESEJ INTEGRITI]

18. Baru-baru ini saya telah menerima beberapa aduan daripada Unit Integriti berkaitan pelanggaran amanah yang diberikan. Saya memandang serius berkaitan perkara ini kerana perbuatan sebegini bukan sahaja salah di sisi agama malah boleh merosakkan imej jabatan serta melanggar peraturan dan tata tertib perkhidmatan awam.

19. Saya menyeru kepada semua warga Nuklear Malaysia supaya bekerja dengan amanah dan ikhlas walau di mana sahaja kita berada. Jika penyelia tidak nampak, pengurus tidak nampak atau pengarah tidak nampak, Allah tetap dapat melihat dan mengetahui apa yang kita lakukan. Sebagai kakitangan kerajaan kita perlu bersyukur walaupun dalam keadaan pandemik sebegini, kita masih beruntung memperoleh gaji, imbuhan dan elaun pada setiap bulan. Setiap penjawat awam diamanahkan untuk mematuhi pelbagai prosedur seperti prosedur kewangan, prosedur pentadbiran dan arahan bertugas. Kegagalan mematuhi prosedur dan peraturan bermakna, kita telah melanggar tanggungjawab yang di amanahkan. Ini termasuklah kemudahan bekerja dari rumah yang diberikan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

[PEGAWAI BAHARU/PERTUKARAN/BERSARA]

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan pegawai dan kakitangan baharu yang akan memulakan perkhidmatan di Agensi ini. Selamat bertugas dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang tenaga bagi membantu Nuklear Malaysia dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti.

21. Sebagaimana paparan montaj berita semasa sebentar tadi, terdapat beberapa orang warga kerja yang telah bertukar keluar daripada Nuklear Malaysia. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan selama ini. Selamat maju jaya di tempat baharu dan teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan.

22. Kepada yang bersara, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan. Sesungguhnya khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan amatlah tinggi nilainya dan semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang terbaik. Diharapkan agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berada di bawah perlindunganNya.

23. Akhir kata, izinkan saya menyampaikan pesanan buat seluruh warga Nuklear Malaysia untuk sama-sama kita hayati dan renungi erti sebenar merdeka sebagai panduan kelangsungan perjuangan pengisian kemerdekaan:

24. Saya berharap tuan-tuan puan-puan terus kekal istiqamah dalam mengamalkan penjagaan sendiri dan sentiasa patuhi setiap S.O.P yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk memastikan kita terlindung daripada wabak COVID-19. Ingatlah, setiap tindakan kita boleh menentukan bukan sahaja keselamatan diri kita, tetapi juga keselamatan orang-orang yang dekat dengan kita ahli keluarga, rakan-rakan kita dan masyarakat di sekeliling kita. Kita semua terkesan dengan wabak ini tanpa ada yang terkecuali.

25. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Teknologi Perubatan (BTP) dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat, di atas komitmen yang telah diberikan.

..Lindungi diri .. Lindungi semua..

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.